



SIARAN MEDIA
YAB PERDANA MENTERI
TUN DR MAHATHIR MOHAMAD
SEMPENA MESYUARAT
JAWATANKUASA KHAS KABINET MENGENAI ANTI RASUAH (JKKMAR)
13 OGOS 2018

1. Hari ini adalah hari yang ke-96 sejak Kerajaan Pakatan Harapan memerintah Malaysia. Empat (4) hari lagi, genap 100 hari pertama pemerintahan Kerajaan Pakatan Harapan.
2. Banyak kejayaan yang telah kita capai dalam masa yang singkat ini.
3. Dalam konteks governans, integriti, antirasuah dan hak asasi manusia, Kerajaan Pakatan Harapan telah mulakan dengan langkah yang baik. Dalam 96 hari saja Kerajaan Pusat telah berjaya menggerakkan strategi secara holistik untuk Malaysia “lebih dikenali kerana integritinya dan bukan kerana rasuah” (*Lampiran*).
4. Hari ini adalah Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) Yang Ketiga.
5. Pada mesyuarat hari ini, JKKMAR telah membincangkan enam kertas, iaitu berkenaan dengan:
 - a. **Usaha memperkasakan Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)**
 - Mekanisme pelantikan Ketua Pesuruhjaya SPRM yang lebih telus – hendaklah atas pertimbangan *Parliamentary Select Committee (PSC)*, dan prestasi/kompetensi penyandang Ketua Pesuruhjaya turut dinilai oleh pihak *stakeholders* luar
 - Mewujudkan polisi bajet yang khusus dan berasingan bagi SPRM
 - *Parliamentary Select Committee (PSC)* mengambil alih peranan Jawatankuasa Khas Mengenai Rasuah (JKMR), badan bebas memantau SPRM peringkat Parlimen pada masa sekarang

- Peranan dan terma rujukan empat lagi badan bebas yang memantau SPRM iaitu LPPR, PPPR, Jawatankuasa Aduan dan Panel Penilaian Operasi (PPO) akan ditambah baik

b. Isu Sempadan – Ke Arah Tadbir Urus dan Integriti Pengurusan Sempadan

- Agensi yang dipertanggungjawabkan untuk mengintegrasikan agensi-agensi kawalan sempadan mengkaji model terbaik ke arah pelaksanaan berkesan pengurusan sempadan
- Cadangan penambahbaikan undang-undang, sistem dan prosedur dan kawalan dalaman di sempadan negara

c. Inisiatif-inisiatif Memantapkan Integriti dan Memartabatkan Malaysia – "Menjadikan Malaysia Sebuah Negara yang Dikenali Kerana Integritinya, Bukan Kerana Rasuahnya"

- Dalam konteks United Nations Convention Against Corruption (UNCAC), diputuskan agar Malaysia menggunakan syor-syor yang dikemukakan oleh Pasukan Penilaian UNCAC mengenai usaha pencegahan rasuah, antaranya yang berkaitan dengan pembiayaan politik, konflik kepentingan dan isytihar harta
- Agensi-agensi 'lead' (*lead agency*) seperti JPA, MITI, MIDA, NPC, Kementerian Luar, Kementerian Komunikasi dan Multimedia diminta menjadikan agenda "Menjadikan Malaysia Sebuah Negara Yang Dikenali Kerana Integritinya, Bukan Kerana Rasuahnya" sebagai KPI masing-masing

d. Usaha memantapkan kebebasan Jabatan Audit Negara (JAN)

- Syor berkenan pembentukan *Office of the Auditor General of Malaysia*
- Autonomi dalam perkara berkaitan dengan sumber manusia dan peruntukan bajet melalui *Audit Select Committee* peringkat Parlimen

e. Penubuhan Pusat Pengurusan Aset, Harta Rampasan dan Lucut Hak (*Central Asset Management Corporation*) (CAMcorp)

- Menubuhkan sebuah agensi yang berwibawa di peringkat nasional, yang bertanggungjawab bagi pengurusan aset yang dirampas, disita dan dilucut hak
- Mewujudkan undang-undang bagi menubuhkan agensi bagi tujuan pengurusan aset, harta rampasan dan lucut hak

f. Analisis Ringkas Terhadap Laporan Jawatankuasa Reformasi Institusi (IRC)

- Kerajaan telah menerima sebanyak **256** cadangan daripada IRC
- Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC) telah diminta untuk meneliti dan menyelaras cadangan-cadangan yang berkaitan dengan isu-isu governans, integriti, antirasuah dan hak asasi manusia.
- **223** cadangan IRC akan diselaraskan oleh GIACC
- **33** cadangan lagi akan diselaraskan oleh Kementerian Komunikasi dan Multimedia

g. Mengembalikan Kewibawaan Institusi Parlimen

- Mewujudkan satu mekanisme yang memastikan akauntabiliti SPRM dengan mewujudkan Jawatankuasa Pilihan
- Pembentangan dan Perbahasan Laporan SPRM di Parlimen melalui Jawatankuasa Khas Mengeni Rasuah (JKMR)

TAMAT

LAMPIRAN

Latar belakang JKKMAR

Mesyuarat Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) merupakan mekanisme penting untuk merancang masa depan Malaysia baharu tanpa rasuah. JKKMAR bertindak menyelaras semua cadangan termasuk cadangan-cadangan yang akan diutarakan oleh Jawatankuasa Reformasi (IRC) untuk diangkat bagi keputusan diperingkat JKKMAR atau Kabinet. JKKMAR telah mengadakan mesyuarat pertama pada 8 Jun 2018 dan seterusnya pada 9 Julai 2018. YAB Perdana Menteri merupakan Pengerusi JKKMAR dan turut dianggotai beberapa Anggota Jemaah Menteri, Ketua Setiausaha Negara dan Ketua Setiausaha kesemua kementerian.

Antara perkara yang telah diputuskan oleh JKKMAR dalam dua mesyuarat sebelum ini termasuklah:

- 1) Mewujudkan Jawatankuasa Khas Kabinet Mengenai Anti Rasuah (JKKMAR) bagi menyelaras semua syor termasuk cadangan-cadangan yang diutarakan oleh IRC.
- 2) Menubuhkan Pusat Governans, Integriti dan Anti Rasuah Nasional (GIACC) bagi membolehkan usaha menyelamatkan Malaysia daripada rasuah dapat dilaksanakan dengan segera dan berkesan serta menyeluruh.
- 3) Menggubal Pelan Anti Rasuah Nasional bagi membolehkan isu-isu governans, integriti dan antirasuah ditangani secara menyeluruh.
- 4) Merangka satu undang-undang yang membolehkan tindakan punitif diambil terhadap pegawai-pegawai yang sengaja menyebabkan ketirisan, pemborosan atau pembaziran kepada dana Kerajaan. Bagi tujuan ini, Kerajaan juga telah memutuskan untuk mewujudkan undang-undang baharu mengenai salah laku oleh pegawai awam. Peruntukan baharu yang menjenayahkan salah laku oleh pegawai badan awam akan dimasukkan dalam Akta SPRM 2009.
- 5) Bagi membanteras politik wang, Rang Undang-undang Pembiayaan Politik sedang digubal. Sebuah pasukan khas yang diketuai oleh GIACC telah dibentuk untuk mengemukakan draf akta pembiayaan politik kepada Kabinet.

- 6) Satu dasar mengenai pemberian hadiah dan derma kepada anggota pentadbiran awam (melibatkan menteri sehingga setiausaha-setiausaha politik) sedang digubal. Pada masa sekarang, dasar ini hanya memfokus kepada penjawat awam.
- 7) Kerajaan telah memutuskan agar Anggota Pentadbiran (menteri dan timbalan menteri) tidak lagi mengeluarkan Surat Sokongan ke atas mana-mana projek atau urusan permohonan. Ketua jabatan juga diminta tidak lagi menganggap surat sokongan sebagai arahan atau keputusan Anggota Pentadbiran.
- 8) Berhubung perisytiharan harta, garis panduan berkaitan sedang dipinda di mana tafsiran Anggota Pentadbiran diperluas supaya Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri juga perlu isytihar harta. Dalam hal ini, pindaan akan dibuat ke atas Kod Etika Anggota Pentadbiran dan Ahli Parlimen Kerajaan. Mulai sekarang perisytiharan harta akan dibuat kepada SPRM supaya ada keterbukaan dan ketelusan dalam amalan ini.
- 9) Kerajaan telah memutuskan untuk melakukan penambahbaikan mekanisme penerimaan hadiah, keraian dan upahan oleh Anggota Pentadbiran. Tafsiran Anggota Pentadbiran diperluas supaya Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri juga perlu melaporkan penerimaan hadiah, keraian dan upahan.